

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Sunday, November 10, 2019 2:09 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Pingat Perkhidmatan Cemerlang Iktiraf Pegawai Berkualiti



UUM Corporate Comm.  
**Universiti Utara Malaysia**

10 NOVEMBER 2019 / 13 RABIULAWAL 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah  
Gambar oleh: Seksyen Media

### PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG IKTIRAF PEGAWAI BERKUALITI



**UUM ONLINE:** Sempena Majlis Sambutan Hari Integriti Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2019, seramai sembilan pegawai perkhidmatan awam telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) yang disampaikan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik di Dewan Za'ba, KPM, baru-baru ini.

Antara penerima tersebut ialah, pegawai tadbir, Mohd Fairus Abd Majid dan merupakan satu-satunya penerima dari UUM, yang telah melahirkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana dipilih untuk menerima pingat tersebut.

Berkongsi kejayaannya, beliau berpegang kepada prinsip 'hidup ibarat lebah' yang sentiasa mencari dan memberi yang terbaik seperti yang termaktub dalam al-Quran dalam surah An-Nahl ayat 68 dan 69.

"Sifat lebah sejenis binatang yang gigih bekerja, berpasukan, mempertahankan diri dan organisasi selain bertindak balas jika berada dalam keadaan terancam.

"Pada saya sebagai manusia, kita tidak sunyi dari ujian atau masalah. Jika berhadapan dengan masalah perkara pertama yang saya lakukan, sedar diri yang saya sedang diuji, urus emosi dan keadaan diri seterusnya cari jalan terbaik untuk menyelesaikannya di samping berdoa mohon bantuan pada Allah SWT," katanya.

Bertugas di Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Mohd Fairus berkata, beliau bersyukur sejak mempelajari ilmu *Neuro Linguistic Programming* (NLP), beliau lebih mudah mengawal diri dan sentiasa positif dalam berhadapan dengan masalah.

Pegawai yang dianugerahkan PPC menerima insentif berupa Pingat Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.

PPC merupakan penghargaan kerajaan Malaysia kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dan berkualiti berdasarkan prestasi tahunan pegawai.

Pingat ini dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui Statut Pingat Perkhidmatan Cemerlang yang diiktiraf sebagaimana pingat lain yang dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Penganugerahan ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan luar biasa dalam aktiviti tugas rasmi dan di luar tugas rasmi dan hasil sumbangan kreativiti dan inovasi pegawai.

Penilaian PPC meliputi aspek kegiatan dan sumbangan pegawai dalam aktiviti dalam dan luar organisasi, program latihan, kepimpinan dan kualiti peribadi di samping perakuan Ketua Jabatan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.